23 AUG 2002
Mahathir-Felda
TANAH FELDA MUNGKIN DIURUS OLEH SYARIKAT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan tanah-tanah rancangan Felda disatukan dan diuruskan oleh sebuah syarikat sebagai satu langkah mengatasi masalah tanah Felda yang terbiar.

Perdana Menteri berkata melalui cara itu, pengurusan tanah berkenaan akan dapat dijalankan dengan lebih baik dan hasilnya diagihkan kepada peneroka atau pemilik tanah.

Katanya, sesetengah tanah di kawasan Felda dibiar atau dijual kepada pihak lain berikutan generasi Felda seterusnya tidak cenderung meneruskan kerja-kerja seorang peneroka yang dahulunya dilakukan oleh ibu bapa mereka.

"Oleh kerana anak-anak sudah lulus dengan pelajaran tinggi, takkan nak suruh mereka pergi toreh getah," katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda Se-Malaysia di sini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata cara-cara mengatasi masalah tanah Felda terbiar itu sedang diteliti oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata para peneroka atau pemilik tanah Felda mungkin dibenarkan memegang saham dalam syarikat yang dibayangkan itu.

Felda atau Lembaga Tanah Kemajuan Persekutuan merupakan cetusan idea Bapa Pembangunan Malaysia, Tun Abdul Razak. Ditubuhkan pada 1956, ia kini mempunyai 304 tanah rancangan membabitkan 120,000 keluarga peneroka yang mengusahakan tanaman seperti kelapa sawit dan getah.

Setelah 46 tahun ditubuhkan, Felda melahirkan lebih 600,000 generasi anak-anak peneroka dan kira-kira 50,000 daripada mereka telah berjaya menjadi ahli profesional dalam pelbagai bidang manakala 10,000 lagi sedang menuntut di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Ditanya berapa serius masalah tanah Felda terbiar, Dr Mahathir berkata: "Serius jugalah kalau tak ada orang nak usahakan, ditinggalkan. Anak dia tak balik dah. Nak bagi pekerja asing masuk, nanti jadi apa-apa, susah juga."

Menjawab pertanyaan berapa daripada 304 tanah rancangan itu tidak lagi diusahakan oleh peneroka, Perdana Menteri berkata: "Tak lama lagi, semualah."

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata kerajaan mahu supaya tanah Felda diusahakan untuk kesejahteraan orang Melayu dan sebaliknya tidak mahu melihat ia dijual kepada orang lain.

Beliau berkata pemilik yang menjual tanah Felda mereka sebelum ini didapati tidak mempunyai pengetahuan mengenai pengurusan wang dan ini menyebabkan mereka menghabiskan wang yang diperolehi dengan membeli barangan yang tidak mendatangkan hasil seperti kereta mewah.

Katanya, ini merugikan bukan sahaja diri mereka sendiri tetapi juga generasi Felda seterusnya.

Menurut Dr Mahathir, ini semua menjadi sebahagian daripada "masalah kejayaan" rancangan Felda dan kerajaan akan berusaha mencari jalan mengatasinya.

Selain itu, beliau mengingatkan anak-anak peneroka supaya melengkapkan diri dengan pelbagai bidang ilmu selaras dengan keperluan negara untuk memiliki kumpulan profesional yang berjaya demi masa depan negara.

Perhimpunan anjuran Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) yang dihadiri 4,000 orang generasi peneroka Felda daripada seluruh negara itu

diadakan bagi membincangkan peranan dan hala tuju mereka di alaf baru daripada segi ekonomi, sosial, pendidikan dan latihan.

Antara lain, ia mengemukakan pelbagai cadangan meliputi dasar, strategi dan bantuan bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat Felda.

Pada majlis itu, Dr Mahathir melancarkan Tabung Wawasan Generasi Felda bertujuan memberikan bantuan dan mengembangkan projek sosial generasi Felda bagi tujuan pendidikan, latihan dan kebajikan.

Beliau juga menyampaikan sijil penghargaan kepada tiga keluarga peneroka Felda yang berjaya termasuk mendidik anak-anak sehingga menjadi golongan profesional.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam, Pengerusi Felda Tan Sri Dr Yusof Noor dan Pengerusi Eksekutif GWGF Tan Sri Rozali Ismail.

-- BERNAMA

MAM AZH MFJ MOZ